

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun mengaku bersalah dipenjara dua minggu
Date : 31 July 2024
Section : Tempatan
Page : 2



Keldai akaun mengaku bersalah dipenjara dua minggu

SIBU: Seorang keldai akaun dijatuhi hukuman penjara dua minggu oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah memiliki wang secara salah yang diperolehi daripada aktiviti penipuan pekerjaan.

Kelvin Lau Lee Meng, 26, diperintah oleh Majistret Romario Jonoj menjalani hukuman penjara itu berkuat kuasa mulai tarikh penjatuhannya hukuman iaitu semalam setelah mempertimbangkan pengakuan, rayuan dan berat kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, Kelvin didakwa memiliki wang yang diperolehi secara salah berjumlah RM2,997 di dalam akaun bank miliknya pada 23 Mac 2023, kira-kira jam 8.42 malam di sebuah rumah Lorong Matu 4.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37(1) Akta Kesalahan-kesalahan Kecil

Sarawak yang membawa hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda RM5,000 jika sabit dengan kesalahan.

Mengikut fakta kes, pengadu yang dikenali sebagai Sim telah ternampak iklan dalam Facebook yang menawarkan pekerjaan separuh masa menjual barang secara dalam talian dengan bayaran komisen.

Pengadu yang berminat kemudian menghubungi nombor WhatsApp yang diberi dan diberi tugas mengiklankan barang dalam platform digital serta ditawarkan komisen sebanyak 10 peratus.

Namun pengadu diminta membuat pembayaran terlebih dahulu di mana pengadu telah membuat pembayaran ke dalam akaun bank milik tertuduh sebanyak dua kali.

Selepas pembayarandibuat, pengadu tidak menerima komisen yang dijanjikan, sebaliknya diminta untuk terus membuat pembayaran.